



# KENYATAAN MEDIA

Untuk siaran segera

## **SEPASANG SUAMI ISTERI MENGHADAPI 33 PERTUDUHAN DI BAWAH AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967**

TANJUNG MALIM 27 Julai – Sepasang suami isteri yang merupakan Doktor Perubatan menghadapi 33 pertuduhan di bawah Akta Cukai Pendapatan 1967 dan Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Potongan Daripada Saraan) 1994 (KKCP).

Dr. Shafie Abd Ghafar 50 tahun yang juga merupakan Pengarah Syarikat Kumpulan Aminin Sdn Bhd, menghadapi 31 pertuduhan iaitu:

1. 5 pertuduhan di bawah Seksyen 78(a) dan Seksyen 120(1)(a) Akta Cukai Pendapatan 1967 yang membawa kepada hukuman denda tidak kurang daripada RM200.00 dan tidak melebihi RM20,000.00 atau penjara tidak melebihi 6 bulan atau kedua-duanya sekali bagi tiap-tiap pertuduhan yang dikenakan jika disabitkan kesalahan.
2. 2 pertuduhan di bawah Seksyen 83(1) dan Seksyen 120(1)(b) Akta Cukai Pendapatan 1967 yang membawa kepada hukuman denda tidak kurang daripada RM200.00 dan tidak melebihi RM2,000.00 atau penjara tidak melebihi 6 bulan atau kedua-duanya sekali bagi tiap-tiap pertuduhan yang dikenakan jika disabitkan kesalahan.

3. 24 pertuduhan di bawah Kaedah 10(1) dan Kaedah 17 Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Potongan Daripada Saraan) 1994 (KKCP) kerana gagal membuat Potongan Cukai Bulanan (PCB) bagi bulan Januari 2011 sehingga Disember 2011 dan bulan Januari 2012 sehingga Disember 2012 yang berjumlah RM13,302.10. Jika disabitkan kesalahan, tertuduh boleh dikenakan hukuman denda tidak kurang daripada RM200.00 dan tidak melebihi RM2,000.00 atau penjara tidak melebihi 6 bulan atau kedua-duanya sekali.

Manakala isteri beliau, Dr. Siti Rukiah Binti Sa'at 52 tahun, menghadapi 2 pertuduhan di bawah Seksyen 78(a) Akta Cukai Pendapatan 1967, kerana kegagalan melengkapkan dan menghantar Borang BE bagi Tahun-Tahun Taksiran 2013 dan 2014 kepada Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri. Jika disabitkan kesalahan tertuduh boleh dijatuhkan hukuman denda tidak kurang daripada RM200.00 dan tidak melebihi RM20,000.00 atau penjara tidak melebihi 6 bulan atau kedua-duanya sekali bagi tiap-tiap pertuduhan yang dikenakan.

Walaupun bagaimanapun, perbicaraan yang berlangsung di Mahkamah Majistret Tanjung Malim pada hari ini menyaksikan kedua-dua tertuduh mengemukakan permohonan untuk menyelesaikan kes ini di luar mahkamah dan Majistret Puan Syahdatul Kamilah Bt Zakari membenarkan permohonan mereka dan tarikh sebutan semula kes ditetapkan pada 24 Ogos 2016.

# # #

**SEKIAN, TERIMA KASIH**

**HASiL** Teman Keceriaan Anda

---

Dikeluarkan oleh:

**Masrun Bin Maslim | Customer Care Officer (Media)**

**Bahagian Komunikasi Korporat & Multimedia | Jabatan Khidmat**

**Korporat | Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia**

☎ : 03-8313 8888 samb. 21326 / 21371 | 📠 : 03-8313 7836

Pusat Panggilan: 1-800-88-5436

Portal Rasmi: [www.hasil.gov.my](http://www.hasil.gov.my)

**Tarikh : 27 Julai 2016**